

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Wanita warga emas terperdaya 'phone scam', RM588,000 lesap
Date : 12 September 2025
Section : Tempatan
Page : 8



Wanita warga emas terperdaya 'phone scam', RM588,000 lesap

Mangsa terjat terjerat suspek menyamar sebagai pegawai NSRC dan polis

Oleh Rosemaria Buma

MIRI: Seorang wanita warga emas kerugian RM588,000 selepas terperdaya dengan sindiket penipuan atas talian 'phone scam' yang menyamar sebagai pegawai Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) dan polis.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Mohd Farhan Lee Abdullah dalam satu kenyataan semalam mengesahkan Bahagian Siasatan Jenayah Komersial (BSJK) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Miri kelmarin telah menerima satu laporan polis berhubung satu kes penipuan dalam talian.

Katanya, mangsa yang berusia 61 tahun dan merupakan seorang peniaga telah menerima panggilan daripada nombor tidak dikenali

“Suspek memaklumkan mangsa perlu membuat pengesahan harta dengan cara memindahkan semua wang simpanan ke akaun bank yang diarahkan.”

ACP Mohd Farhan Lee Abdullah
Ketua Polis Daerah Miri

yang memperkenalkan diri dari NSRC dan mengatakan mangsa terlibat dengan sindiket penipuan.

“Mangsa kemudian disambungkan kepada pihak yang memperkenalkan diri sebagai pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan.

“Suspek memaklumkan mangsa perlu membuat pengesahan harta dengan cara memindahkan semua wang simpanan ke akaun bank yang diarahkan,” ujarnya.

Menurut Farhan, mangsa yang percaya dengan helah tersebut telah membuat beberapa pindahan wang melalui kaunter bank dengan jumlah keseluruhan RM588,000 sepertimana yang diarahkan suspek kononnya bagi tujuan audit.

“Mangsa hanya menyedari dirinya ditipu selepas suspek terus menerus meminta bayaran tambahan.

“Semua wang tersebut merupakan hasil simpanan mangsa sendiri,” jelasnya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu, yang boleh membawa hukuman penjara antara satu hingga 10 tahun, sebatan serta denda jika sabit kesalahan.

Sehubungan itu, beliau menasihati orang ramai supaya tidak panik, tidak mendedahkan maklumat peribadi melalui telefon walaupun pemanggil mendakwa daripada agensi rasmi serta menyemak sebarang panggilan mencurigakan melalui saluran sah.

“Orang ramai juga boleh menghubungi NSRC di talian 997 jika baru membuat transaksi ke akaun sindiket atau membuat semakan nombor telefon dan akaun bank mencurigakan melalui laman web <http://semakmule.rmp.gov.my> sebelum sebarang urusan kewangan,” tambahnya.